

09 JAN 2003

ADNAN-SAHAM

PAHANG SAMBUT BAIK PENUBUHAN SPV BAGI BANTU SELAMATKAN AMANAH SAHAM NEGERI

KUANTAN, 9 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang menyambut baik cadangan kerajaan pusat untuk menubuhkan jentera khas (SPV) bagi membantu menyelamatkan beberapa amanah saham negeri yang mengalami masalah.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, kerajaan negeri memang berharap kepada kerajaan pusat untuk membantu memulihkan semula amanah saham negeri seperti Amanah Saham Negeri Pahang (KUMIPA).

Menurutnya, kerajaan negeri tidak dapat melaksanakan pemulihan amanah saham tersebut kerana pemulihannya memerlukan jumlah kewangan yang banyak sedangkan kerajaan negeri tidak mempunyai dana yang begitu banyak.

"Ini berbanding dengan kerajaan pusat yang mempunyai dana yang besar dan mampu untuk membantu menangani masalah yang timbul," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan kepada badan kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini hari ini.

Adnan berkata, pada pendapatnya apa yang penting daripada pemulihan tersebut walaupun tidak mendapat keuntungan, pelabur akan dapat memperoleh modal yang mereka keluarkan.

Bagaimanapun menurutnya, semua ini bergantung kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan dalam membuat keputusan, dan kerajaan negeri akan menyokong keputusan yang dibuat, katanya.

Bernama difahamkan KUMIPA yang asalnya berharga RM1, kini berada pada harga 35.99 sen. KUMIPA telah dilancarkan pada tahun 1974 sebelum dilancarkan semula pada tahun 1994 bagi memperbesarkan tabungannya.

KUMIPA mengagihkan dividen terakhir kepada pelaburnya sebanyak 4.25 peratus pada April 2002.

Isnin lepas akhbar melaporkan kerajaan akan menubuhkan jentera khas (SPV) bagi menyelamatkan beberapa amanah saham negeri dengan kira-kira 531,480 pelabur yang prestasinya kini terjejas teruk akibat krisis kewangan 1997/98.

Laporan itu menyebut, penubuhan SPV bagi tujuan itu adalah kaedah terbaik bagi mengatasi kemelut yang dihadapi kebanyakan dana saham amanah negeri yang pemegang sahamnya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

-- BERNAMA

ZAF HIS NHD